

Kepada
Semua Pegawai Daerah,
Semua Ketua Kampung,
Semua Pengerusi JKKK,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2011**

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN
KETUA KAMPUNG DAN PENERUSI JAWATANKUASA KEMAJUAN
DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JKKK) NEGERI SELANGOR**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan Pekeliling Perbendaharaan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Daerah, Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK mengenai penggunaan peruntukan Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK Negeri Selangor.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Negeri Selangor mempunyai seramai 368 orang Ketua Kampung Tradisi, 42 orang Pengerusi JKKK Kampung Baru, 19 orang Pengerusi JKKK Kampung Bagan dan 17 orang Pengerusi JKKK Kampung Tersusun.
- 2.2 Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 38/2010 yang diadakan pada 20 Oktober 2010, setiap Ketua Kampung diperuntukkan sejumlah **RM5,800.00 setahun** bagi melaksanakan aktiviti atau program di kampung masing-masing.

3.0 PENGURUSAN AKAUN

- 3.1 Peruntukan ini hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK yang telah diwujudkan di Pejabat Daerah/Tanah.
- 3.2 Pegawai Pengawal di daerah adalah bertanggungjawab ke atas pengurusan peruntukkan ini.

4.0 SUMBER KEWANGAN

- 4.1 Akaun ini hendaklah dikreditkan dengan peruntukan secara Pemberian Langsung (*Outright Grant*) daripada Unit Perancang

Ekonomi Negeri (UPEN) di bawah Vot P01/P.K1/10010-Perkhidmatan Masyarakat.

5.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 5.1 Pegawai Pengawal adalah Pegawai Daerah yang dilantik sebagai Ketua Jabatan di Pejabat Tanah dan Daerah yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran tanah, daerah dan kewangan serta tertakluk kepada arahan yang ditetapkan dari masa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- 5.2 Pegawai Pengawal boleh mengarahkan secara bertulis kepada pegawai di bawah kawalan pentadbirannya untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Penolong bagi pihak dan atas namanya.
- 5.3 Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan Buku Tunai yang berasingan bagi setiap kampung untuk memastikan pendapatan, perbelanjaan dan baki akaun dapat dikemas kini setiap masa.
- 5.4 Semua pengeluaran wang daripada Akaun ini hendaklah dibuat berdasarkan kepada dokumen sokongan yang asal seperti resit, borang tuntutan dan sebagainya yang dikemukakan oleh Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK atau Setiausaha JKKK. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan segala tuntutan

bagi pengeluaran wang tersebut adalah benar berdasarkan kepada dokumen sokongan yang dikemukakan.

- 5.5 Pegawai Pengawal perlu memastikan semua tuntutan bayaran yang dikemukakan dijelaskan dalam tempoh 14 hari bekerja bagi mencerminkan kecekapan pengurusan Kerajaan Negeri.
- 5.6 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan setiap laporan perbelanjaan bulanan peruntukan Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK dikemas kini secara berjadual di agensi masing-masing.
- 5.7 Laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) setiap bulan.
- 5.8 Pengawalan dan pengurusan peruntukan hendaklah sentiasa tertakluk kepada terma-terma pekeliling ini, Arahan Perbendaharaan, peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa dan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri dari semasa ke semasa.
- 5.9 Pegawai Pengawal perlu memastikan penggunaan peruntukan ini adalah berdasarkan kategori yang ditetapkan dan segala perbelanjaan perlu dipantau secara telus bagi mengelakkan berlakunya pembaziran dan salah guna peruntukan.

5.10 Tuntutan perbelanjaan hendaklah menggunakan **Borang A** seperti di **LAMPIRAN 1** dan sekiranya ada perolehan melibatkan perbelanjaan pembelian barang-barang dan peralatan **Borang B** seperti di **Lampiran 2** hendaklah **disertakan**.

6.0 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

6.1 Penggunaan peruntukan ini adalah dikhaskan bagi menampung perbelanjaan pengurusan yang melibatkan penganjuran aktiviti-aktiviti kampung dan program-program mesra rakyat.

6.2 Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK adalah dibenarkan untuk membuat perolehan termasuk pembelian barang-barang dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan di Para 6.1 di atas.

6.3 Jumlah perbelanjaan bagi setiap program adalah **tidak melebihi RM2,000.00** dan peruntukan ini tidak boleh sama-sekali digunakan untuk menjalankan projek-projek kecil pembangunan.

7.0 PENDAHULUAN WANG SEBANYAK RM1,000.00

7.1 Setiap Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK akan diperuntukkan sejumlah RM1,000.00 sebagai pendahuluan diri

untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kampung dan program-program mesra rakyat.


- 7.2 Peruntukkan Pendahuluan kepada Ketua Kampung/Pengerusi JKKK hendaklah sentiasa berbaki kredit pada setiap masa dan peruntukan akan ditolak daripada peruntukan tahunan Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK.
- 7.3 Permohonan Pendahuluan hendaklah menggunakan Borang 'A' tanpa dokumen sokongan yang telah disahkan oleh Ketua Kampung/Pengerusi JKKK.
- 7.4 Reкупmen bagi Pendahuluan ini hendaklah dikemukakan ke Pegawai Pengawal dengan menggunakan Borang 'C' dengan disertakan dokumen sokongan seperti resit-resit atau bil-bil yang disahkan oleh Ketua Kampung/Pengerusi JKKK.
- 7.5 Pegawai Pengawal hendaklah memantau reкупmen pendahuluan tersebut dan perbelanjaan bulanan yang telah dibuat. Wang Pendahuluan ini hendaklah dikreditkan semula ke Akaun JKKK sekiranya ia tidak habis digunakan setelah perkhidmatan Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK ditamatkan.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

8.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan ini adalah berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2010** adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah, 

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Tarikh : **22** Februari 2011

Salinan kepada:

- i. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
- iv. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)
- v. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan

BORANG 'A'



**KELULUSAN PENGELUARAN PERUNTUKAN
KETUA KAMPUNG DAN PENERUSI JKKK
NEGERI SELANGOR
KAMPUNG**

Pegawai Daerah

Tuan,

PENGELUARAN PERUNTUKAN *KETUA KAMPUNG/PENERUSI JKKK

Saya dengan ini memberi kelulusan bagi pengeluaran peruntukan *Ketua Kampung/Pengerusi JKKK untuk melaksanakan program dan aktiviti mesra rakyat.

2. Butiran lengkap bagi pengeluaran peruntukan bagi tujuan di atas adalah seperti berikut:-

	Tujuan	Pendahuluan/Lain-Lain
i.	Nama Program & Tarikh Pelaksanaan Program	
ii.	Jumlah Peruntukan Diluluskan	
iii.	Butir-butir Pemohon :	
	a. Nama Organisasi/Pertubuhan	
	b. Alamat	
	c. Nama Pemohon	

	d. No. Kad Pengenalan	
	e. Jawatan	
	f. No. Telefon	
iv.	Cadangan Pembekal/Kontraktor (Jika Berkenaan)	
	a. Alamat	
	b. No. Telefon	

Catatan :

* Sila sertakan lampiran jika permohonan lebih daripada satu (1) program.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dipohon untuk memproses permohonan di atas dan menyerahkan cek peruntukan tersebut kepada penama seperti berikut:-

i.	Nama	
ii.	No. Kad Pengenalan	
iii.	Alamat	
iv.	No. Akaun Bank	
v.	No. Telefon	

4. Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Tandatangan *Ketua Kampung/Pengerusi JKKK)

Tarikh :

** Potong bagi mana yang tidak berkaitan*



Lampiran 2

BORANG 'B'

**PENGESAHAN PENERIMAAN
BARANG-BARANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN
KETUA KAMPUNG DAN Pengerusi JKKK
KAMPUNG**

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Organisasi/Pertubuhan :
.....
.....

Saya mengaku bahawa :

Telah menyemak dan menerima pembekalan barang-barang yang disenaraikan seperti berikut:-

Bil.	Jenis barang	Kuantiti	Bil. Pesanan Tempatan/Resit	Catatan

Catatan : Sila sertakan lampiran sekiranya tidak mencukupi.

Yang benar,

.....
(Tandatangan Penerima)

Tarikh :

No. Telefon :

Nota:

- i. Pihak Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK perlu memastikan penerima barang-barang mencatat nama dan no. kad pengenalan yang betul.
- ii. Sila sertakan gambar-gambar (Jika berkaitan).



Lampiran 3
BORANG 'C'

**KELULUSAN PERUNTUKAN
KETUA KAMPUNG/PENGERUSI JKKK
KAMPUNG**

Pegawai Daerah

Tuan,

**PENGESAHAN PENDAHULUAN PERUNTUKAN *KETUA
KAMPUNG/PENGERUSI JKKK**

Saya(Nama).....No.
Kad Pengenalan *Ketua Kampung/Pengerusi
JKKK dengan ini mengaku bahawa
telah mendahulukan wang tunai berjumlah RM dan
mengesahkan bahawa pendahuluan tersebut digunakan untuk
perbelanjaan program dan aktiviti mesra rakyat seperti berikut:-

Nama Program	
Kos (RM)	
Butir-butir Pemohon :	
a. Nama Organisasi/Pertubuhan	
b. Alamat	
c. Nama Pemohon	

d. No. Kad Pengenalan	
e. Jawatan	
f. No. Telefon	
Pembekal/Kontraktor (Jika Berkenaan)	
a. Alamat	
b. No. Telefon	
Dokumen Sokongan	

Catatan :

** Sila sertakan lampiran jika permohonan lebih dari satu (1) kategori/program.*

Saya bertanggungjawab sepenuhnya kepada pelaksanaan program dan aktiviti mesra rakyat dengan menggunakan peruntukan Ketua Kampung/Pengerusi JKKK seperti di atas dan mengesahkan pendahuluan wang yang telah dikeluarkan.

Dengan ini saya memohon agar rekupmen Tabung Wang Pendahuluan dibuat bagi tujuan tersebut di atas.

Sekian.

Yang benar,

.....

(Tandatangan Ketua Kampung/Pengerusi JKKK)

Tarikh:

** Sila potong mana yang tidak berkenaan*